

ISLAM DAN KEADILAN SOSIAL MENURUT PANDANGAN HAMKA DALAM TAFSIR AL-AZHAR: TUMPUAN KHUSUS KEPENTINGAN ZAKAT¹

Abdul Hafiz bin Hj. Abdullah²

Fakulti Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

81310 UTM, Skudai, Johor

Malaysia

abdul_haafiz@yahoo.com

ATAU

abhfiz@utm.my

Tel : 07-5537520 (pejabat)

Fax : 07-5537532

019-7961023 (h/p)

&

Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff³

Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur

Malaysia

zulkifliy@um.edu.my

Abstrak

Islam terlebih dahulu memperbaiki jiwa seseorang sebelum memperbaiki masyarakat dan meratakan keadilan sosial, ditanamkan di dalam jiwa seseorang muslim rasa iman kepada Allah dan hari akhirat, lalu iman itu mengakibatkan rasa kasih-sayang dan dermawan. Kesedaran peribadi setiap orang dalam hubungannya dengan Allah, manusia, alam sekitar dan kedudukan dirinya di tengah-tengah perkara tersebut, di sanalah lahir sumber Keadilan Sosial, jika ajaran Islam telah diamalkan sepenuhnya, akan datang suatu masa nanti tidak ada lagi orang yang berhak menerima zakat, kerana semua orang wajib berzakat. Dan ini pernah tercapai dalam masyarakat Islam, sebagaimana kita saksikan di zaman pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz. Persolannya, sejauhmanakah kebenaran pernyataan ini?. Kertas kerja ini membincangkan tentang pandangan HAMKA terhadap kewajipan dan kepentingan zakat terhadap umat Islam terutamanya kepada; golongan mu'allaf, orang-orang musafir dan urusan perbelanjaan perang. Kupasan berkaitan pengorbanan golongan ulama dalam menubuhkan perkumpulan Islam untuk menangkis dakyah missionary Kristian dengan mengumpulkan zakat kaum muslimin, seterusnya zakat dapat menghalang gejala murtad di kalangan muda-mudi Islam yang hidup miskin dan melarat. Persoalan tentang usaha mendirikan hospital swasta dan bank sadaqah hasil daripada wang zakat juga menjadi fokus utama kertas kerja ini.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Sarantau Islam & Kesejahteraan Sejagat, Anjuran Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darul Salam, pada 24-25 Februari 2010, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun.

² Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM, Skudai, Johor, Malaysia.

³ Profesor di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

1.0 Pendahuluan

Islam telah menegakkan dasar-dasar untuk mencapai suatu masyarakat yang adil dan bahagia, dan menuju apa yang dinamakan keadilan sosial. Adil yang dimaksudkan di sini ialah adil dari sudut zahir dan batin. Oleh yang demikian Islam telah mensyariatkan zakat bertujuan untuk mencapai keadilan sosial secara merata serta menyeluruh.

2.0 Islam Dan Keadilan Sosial

Menurut HAMKA (1999: 398), Islam memperbaiki masyarakat dan meratakan keadilan sosial dengan menekankan terlebih dahulu dasar sendi pertama sosial (masyarakat). Dasar sendi pertama ialah jiwa seseorang. Ditanamkan terlebih dahulu dalam jiwa orang seseorang iman kepada Allah dan hari akhirat, lalu iman itu menimbulkan rasa kasih-sayang dan dermawan. Kesedaran peribadi setiap orang dalam hubungannya dengan Allah, manusia, alam sekitar dan kedudukan dirinya di tengah semuanya itu, di sanalah sumber Keadilan Sosial. Sebab itu pernah tersebut di dalam suatu Hadis, bahawasanya jika ajaran ini telah diamalkan, akan datang suatu masa tidak ada lagi orang yang berhak menerima zakat, kerana semua orang wajib berzakat. Dan ini pernah tercapai dalam masyarakat Islam, sebagaimana disaksikan dalam sejarah Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

HAMKA berpendapat (2005: 78), tidak mungkin kaum muslimin menolak keadilan sosial, kerana keadilan sosial itu adalah merupakan praktik hidup sehari-hari umat Islam. Zakat adalah merupakan salah satu cabang daripada keadilan sosial yang amat digalakkan oleh Islam.

3.0 Definisi Zakat

Menurut Mohd Zaid Kadri (1997: 666), Prof. Dr. HAMKA telah membuat huraian, mentafsirkan perkataan zakat dan hal-hal berkaitan dengannya sebanyak 16 kali dalam Tafsir Al-Azhar, ini menunjukkan bahawa zakat dan hal-hal yang bersangkutan dengannya seperti faedah-faedah dan kepentingan zakat adalah merupakan perkara penting bagi HAMKA.

Zakat menurut HAMKA (1999: 5558), ialah pembersihan, iaitu pembersihan daripada penyakit bakhil, pembersihan daripada hak orang lain yang terdapat dalam harta kita dan pembersihan hubungan antara golongan yang berada dengan tidak berada.

Daripada definisi yang telah dilakukan oleh HAMKA, dapatlah dirumuskan bahawa zakat dapat membersihkan jiwa seseorang manusia dari penyakit batil dan dapat menghindarkan diri daripada rasa benci sesama manusia terutama yang kurang berada, serta dapat membersihkan harta dari sumber tidak halal.

4.0 Faedah-faedah Zakat

HAMKA telah menggariskan beberapa faedah zakat (1992: 111-112), antaranya:

4.0.1 Cinta Kepada Harta Adalah Tabiat Manusia

Setiap manusia memiliki perasaan cinta kepada harta. Merampas rasa kecintaan kepada harta itu adalah merampas tabiat manusia. Maka untuk menjadikan kecintaan kepada harta itu berjalan dengan betul dan tidak melewati batasnya. Islam mengajar dan menganjurkan perasaan belas kasihan dan mencela sifat bakhil. Sebab itu dianjurkan peraturan zakat yang wajib dikeluarkan apabila harta telah cukup nisabnya.

4.0.2 Pertolongan Kepada Golongan Yang Berhak Menerimanya

Peraturan yang sedemikian dapat menghilangkan rasa benci dan perasaan renggang, serta dapat mendekatkan silaturrahim antara golongan kaya dan golongan miskin. Jika sekiranya orang miskin tidak mendapat bahagian dari harta orang-orang kaya di luar daripada usaha dan titik peluhnya, akan timbulah perasangka terhadap orang kaya bahawa mereka adalah penghisap darah golongan miskin, kerana mereka hanya mahu menerima tapi tidak mahu memberi. Padahal kekayaan yang diterima orang kaya itu adalah sebahagiannya daripada titik peluh orang miskin. Kalau hubungan renggang, timbulah kebencian, jurang yang memisahkan di antara golongan kaya dan miskin, seterusnya lahirlah sifat permusuhan antara buruh dan majikan.

4.0.3 Membangkitkan Rasa Tanggung Jawab Golongan Miskin

Zakat dapat menimbulkan rasa tanggung jawab di dalam hati golongan miskin untuk memelihara harta saudaranya. Manakala penyumbangnya pula telah dijanjikan oleh Allah dengan ganjaran yang besar.

4.0.4 Menimbulkan Belas Kasihan Di Dalam Hati

Zakat dapat menimbulkan perasaan belas kasihan di dalam hati terhadap saudara sesama manusia, khususnya terhadap saudara seagama yang kurang bernasib baik dalam hidupnya, hajat mereka dapat ditunaikan, hutang mereka dapat dilunaskan, hati mereka dapat dapat bergembira. Di dalam agama Islam terdapat satu pendidikan iaitu hendaklah seorang Muslim merasa beruntung hidupnya kalau dapat menggembirakan hati saudara seagama.

4.0.5 Melahirkan Kesyukuran

Mengeluarkan zakat adalah merupakan suatu kesyukuran yang bukan saja diucapkan dengan lidah oleh golongan kaya, tetapi diikuti dan disusuli dengan perbuatan, atas nikmat Allah kepadanya, lantaran dia telah diberi nasib yang baik, maka untuk membuktikannya, diberikan sebahagian kecil daripada harta itu kepada orang-orang yang berhak.

4.0.6 Menghidupkan Perasaan Cinta Mencintai

Dengan adanya peraturan zakat, Allah telah menghidupkan perasaan cinta mencintai dan hidup sama rata di antara golongan fakir miskin dengan golongan kaya. Seluruh dunia Islam dikumpulkan di bawah satu bumbung, orang kaya membimbang tangan orang miskin. Seraya melapangkan kesempitannya, dan dapat mengurangkan golongan peminta sedekah dan pengemis dalam kalangan mereka. Dengan itu timbul semangat persatuan dan semangat tolong-menolong.

4.0.7 Menguatkan Batin Dan Meneguhkan Iman

Pengeluaran zakat juga dapat memperkuatkan batin, meneguhkan iman dan memantapkan keyakinan. Kerana telah jelas bahawa harta adalah saudara kandung kepada nafsu, untuk mengeluarkan harta adalah berat bagi hati, lebih berat daripada mengerjakan sembahyang dan puasa. Maka bilamana diri telah biasa menafkahkan barang yang paling dicintai, padahal tidak ada yang paling dicintai di dunia ini melebihi harta, maka dia telah menjadi seorang budiman yang mempunyai pekerti yang tinggi, mudah baginya menghadapi segala bentuk pengorbanan di dalam kesucian hidup.

4.0.8 Memelihara Harta Daripada Berbelanja Kepada Yang Tidak Berfaedah

Pengeluaran zakat dapat memelihara harta daripada berbelanja kepada perkara-perkara yang tidak berguna. Harta mesti dibelanjakan, kalau tidak dibelanjakan ke jalan yang suci, sudah tentu ia akan dibelanjakan kepada perkara mungkar, dan itu akan membawa kepada kesengsaraan diri dan jiwa.

5.0 Kepentingan Zakat

Zakat mempunyai kepentingan, antaranya zakat dapat membantu pembinaan sesebuah masjid, penubuhan perkumpulan Islam, mendirikan hospital swasta dan dapat membiayai gerakan dakwah serta dapat bersaing dengan gerakan yang dilancarkan oleh pendakwah-pendakwah Kristian. Tanggungjawab untuk memungut dan membahagikan zakat di negara-negara Islam yang menjalankan perundangan Islam sepenuhnya adalah terletak di bahu imam atau ketua negara, sebaliknya di negara-negara Islam yang tidak menjalankan pemerintahan Islam secara keseluruhan, kewajipan mengeluarkan zakat adalah menjadi tanggungjawab ke atas setiap anggota masyarakat itu sendiri. Dalam hal ini HAMKA menjelaskan (1999: 3011):

“Di negeri-negeri yang berjalan peraturan Islam, dan seratus persen berdasar Islam, tentu sajalah Al-Imam (Kepala Negara), yang berkuasa tertinggi, memungut dan menyuruh bagikan zakat. Adapun di negeri Islam yang dasar hukumnya belum seratus persen Islam, tentulah mengeluarkan zakat menjadi kewajipan bagi tiap-tiap anggota ummat, sebagaimana wajibnya mengerjakan sembahyang, puasa dan haji. Apabila kesadaran beragama telah mendalam, niscaya dengan tenaga sendiri masyarakat Islam itu, akan mengatur pemungutan dan pembagian zakatnya”.

5.0.1 Membina Masjid Dan Hospital

Menurut HAMKA, pengumpulan dan pembahagian zakat secara teratur dan sistematik pembinaan dan pembangunan masjid-masjid dan hospital-hospital swasta. HAMKA menjelaskan (1999: 3012):

“Apabila keinsafan Ummat Islam Indonesia tentang mengatur, mengumpul dan membagikan zakat ini telah berjalan dengan lancar, banyaklah usaha dan amal muslihat umum yang dapat dibangun, dan satu Post yang bernama “Sabilillah” itu. Dengan post "Sabilillah" kita dapat membangun mesjid-mesjid, rumah-rumah sakit, membelanjai Muballigh Islam untuk menyebarkan Islam kepada Warga Negara Indonesia yang belum beragama atau memberi pengertian Ummat Islam yang "buta agama" tentang ajaran agamanya, atau memberi biasiswa (Studiesfonds), dan membelanjai pemuda-pemuda Islam yang berbakat untuk menambah ilmu pengetahuan, supaya layak menjadi bangsa yang duduk sama rendah dan tegak sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang lain”.

5.0.2 Bersaing Dengan Pendakyah Kristian

Kemunduran pemikiran umat Islam tentang zakat dan cengkaman penjajahan Barat menyebabkan negara-negara Islam menjadi sasaran penyebaran agama Kristian. HAMKA menyuarakan pandangan beliau (1999: 3012):

“Wajiblah kita akui bahwasanya beratus tahun cara kita berfikir telah mundur, dan fikiran tentang zakat telah membeku. Bersamaan dengan itu sebagian besar negeri Islampun beberapa lamanya jatuh ke dalam cengkaman penjajahan Barat. Akhirnya kita melihat kenyataan yang sangat memilukan hati. Negeri-negeri Islam yang dijajah itu, terutama Indonesia, menjadi sasaranlah daripada penyebaran Agama Kristen. Bahkan setelah Indonesia Merdeka sekarang inipun, usaha Kriten Internasional lebih giat berpuluhan kali lipat daripada sebelum kemerdekaan. Mereka telah mendirikan rumah-rumah sakit, sekolah-sekolah, sejak dari taman kanak-kanak sampai sekolah-sekolah tinggi. Sudah berdyun-dyun anak-anak orang Islam dalam hitungan ribuan, bertukar agama karena pendidikan yang mereka terima”.

5.0.3 Menubuhkan Perkumpulan Islam

Ulama besar Indonesia seperti Kiyai Haji Ahmad Dahlan telah mengambil inisiatif mendirikan Muhammadiyah untuk menandingi dakyah Missionari Kristian di Indonesia dengan mengumpulkan zakat kaum muslimin, beliau telah berjaya dalam usahanya, HAMKA menerangkan (1999: 3012-3013):

“Kiyai H.A. Dahlan, di kala hidupnya melihat bahaya ini. Maka beliaulah Ulama Indonesia yang pertama sekali mengambil langkah baru dengan mendirikan Muhammadiyah, guna menandingi usaha zending dan Missie Kristen itu. Beliaulah yang mula-mula dengan memakai perkumpulan yang beliau dirikan, Muhammadiyah, mencoba mengumpulkan zakat kaum

Muslimin. Tetapi oleh karena incaran mata penjajahan yang sangat tajam, dan fitnah-fitnah yang disiarkan dari kalangan Islam sendiri yang beku fahamnya, beliau terpaksa membatasi hanya dapat mengumpulkan zakat fitrah saja, untuk fakir-miskin. Itupun membawa hasil yang baik dan lumayan juga. Beliau suruh adakan panitia pengumpul zakat fitrah dan panitia penggerak penyembelihan kurban dan membagi-bagikan dagingnya kepada fakir-miskin. Dengan kedua gerakan kecil ini saja sudah banyak nampak hasilnya. Apatah lagi di zaman sekarang ini, zaman kemerdekaan bangsa dan tanahair, zaman kita mempunyai pemerintahan sendiri, mempunyai Undang-undang Dasar 1945 yang dijiwai oleh "Jakarta Charter" supaya Ummat Islam menjalankan syariat agamanya, niscaya kalau Zakat harta dikumpulkan dan dibagikan menurut mustahaknya secara moden, pastilah keluhan Ummat Islam karena "kehilangan anak-anak" telah pindah agama akan dapat dihilangkan".

5.0.4 Perbelanjaan Perang

Menurut HAMKA (1999: 3008), ulama fekah silam mengatakan bahawa zakat boleh digunakan untuk perbelanjaan perang, kerana pada masa itu *sabilillah* lebih banyak kepada perjuangan perang.

Dan di Indonesia sendiri, terutama di Aceh, di Aceh berjuang menangkis serangan Belanda yang ingin menakluk Aceh, ulama-ulama Aceh telah sepakat menggerak dan mengerahkan orang kaya-kaya supaya mengeluarkan zakat untuk membantu peperangan menentang Belanda.

5.0.5 Zakat Untuk Orang Musafir

Menurut HAMKA (1999: 3010), ulama sependapat menyatakan bahawa orang yang terputus hubungan dengan kampung halamannya kerana suatu perjalanan, dia berhak menerima zakat. Walaupun dia seorang yang kaya di negerinya, namun ketika musafir adalah dia adalah seorang miskin, ini menunjukkan bahawa Islam sangat menganjurkan supaya seseorang itu banyak musafir untuk menambahkan pengetahuan, pengalaman, persahabatan dan perbandingan. Walaubagaimanapun ulama telah mentapkan bahawa perjalanan itu bukan perjalanan untuk tujuan maksiat. HAMKA menceritakan pengalaman beliau:

"Teringatlah Penulis tat kala Penulis melawat ke Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1955. Sebagaimana dimaklumi pengiriman yang dari Indonesia amat sulit pada waktu itu. Maka berfatwalah Almarhum Syaikh Thaher Jalaluddin kepada murid-muridnya di Kuala Lumpur dan Kuala Kangsar (Perak) dan Pulau Pinang, agar saya diberi bantuan belanja dengan zakat, supaya perjalanan saya jangan tertegun-tegun. Saya ingat kata beliau: "Hamka itu kaya di negerinya, tetapi dia fakir dalam perjalanan". Di beberapa negeri besar di India, baik sebelum berpisah menjadi dua negara, India dan Pakistan, atau sesudahnya, ada didapat rumah-rumah yang bernama "Musafir Khanah", yaitu tempat bermalam bagi orang-orang Muslim yang tengah musafir. Makan-minum dan tempat menginap, mereka sediakan selama tiga hari. Biasanya rumah-rumah itu adalah waqaf dari orang-orang hartawan. Semenanjung Tanah

Melayu telah terdapat pula rumah-rumah buat musafir itu pada beberapa mesjid di kota-kota besar, terutama di Kuala Lumpur”.

5.0.6 Mendirikan Hospital

Menurut HAMKA (1999: 3013), pada tahun 1963 Himpunan Mahasiswa Islam di Surabaya ingin bermaksud hendak mendirikan sebuah "Rumah Sakit Islam" (hospital Islam) yang besar, sistematik dan canggih. Usaha ini telah dimulakan, walaupun tidak cepat. Belanja untuk mendirikan hospital Islam itu seluruhnya hasil dari zakat hartawan-hartawan Islam Surabaya. Sesungguhnya jika bertambah kesedaran beragama, nescaya akan cepat hospital Islam itu dibangunkan serta dapat disiapkan dengan cepat, usaha ini akan menjadi perintis kepada penubuhan hospital-hospital lain.

5.0.7 Bank Sadaqah

Almarhum H.O.S. Tjokroaminoto pernah mencetuskan satu cita-cita, untuk menubuhkan "Bank Shadaqah". Cita-cita beliau itu kecil sahaja kalau dilaksanakan. Beliau mencadangkan bahawa sebahagian dari kutipan zakat dijadikan modal bank, untuk membantu golongan miskin yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bank Shadaqah ini dimiliki oleh masyarakat muslimin. Tujuan utama bukanlah untuk memberi keuntungan kepada seseorang yang memberikan modal, tetapi untuk mengembangkan modal pokok itu sendiri, tetapi untuk kebaikan bersama, serta dapat digunakan untuk membangunkan kerja-kerja yang lebih besar. HAMKA menjelaskan berkaitan Bank Shadaqah (2006: 395-396):

“Bank Shadaqah dianjurkan bertujuan mengorbankan harta benda demi untuk menolong orang yang dalam kesempitan. Dia boleh menjadikan harta itu menjadi wakaf, atau meminjamkan. Guna buat membantu yang kekurangan modal, tetapi tidak mengharapkan bunga. Dan kalau perju juga dibungai, bukan untuk yang memberikan wang, tetapi untuk memperbesarkan wakaf atau sedekah itu. Inilah yang akan memperkuat tali silaturrahim di antara yang kekurangan dengan berlebihan wang”.

Cita-cita Kiyai H.A. Dahlan bukanlah cita-cita yang basi dan labuk untuk difikirkan, tetapi meminta tinjauan kembali untuk dilaksanakan, kerana jumlah golongan terpelajar Islam sekarang sudah berlipat ganda daripada masa beliau hidup.

6.0 Memungut Zakat Daripada Bakal Haji

HAMKA tidak bersetuju memungut zakat daripada bakal-bakal haji yang ingin mengerjakan haji ke Mekah, beliau mengatakan bahawa memungut zakat daripada bakal-bakal haji adalah suatu tindakan yang tidak baik. HAMKA mencadangkan bahawa bakal-bakal haji perlu diberikan zakat untuk melicinkan perjalanan mereka ke tanah suci, HAMKA menjelaskan (1972: 31):

“Lalu dengan terus terang saja menjatakan bahwa memungut zakat dari tjalon hadji, sebelum perdjalanan naik hadji mereka diurus adalah satu perbuatan jang sangat tidak bijaksana. Saja katakan bahwa di dalam keterangan tentang orang2 jang berhak menerima zakat jang dikumpul dari pendapat Ulama2 mazhab. Orang naik hadjipun berhak menerima zakat dalam bidang Ibnu'l Sabil, sebab perdjalanan naik hadji adalah perdjalanan ibadat, maka bukanlah zakat jang mesti dipungut dari mereka, tetapi merekalah jang patut diberi zakat”.

7.0 Kesimpulan

Jikalau sekiranya kaum muslimin atau sebahagian kaum muslimin telah sedar akan kepentingana zakat sebagai salah satu rukun daripada rukun Islam dan dipungut serta dibahagikan dengan sistematik, kita percaya dengan zakat ini kita akan dapat membangun dan memajukan lagi Islam yang mulia, Islam yang layak sebagai anutan semua. Insya Allah kita akan berjaya, dan golongan fakirmiskin tidak lagi akan menjadi medan yang subur dari hasut-hasutan gerakan Internasional tertentu (Komunis) yang menghembus-hembuskan rasa pertentangan kelas dan kebencian dari yang melarat kepada yang mampu.

Rujukan

HAMKA (1972), *Mengupulkan Zakat Kaum Muslimin*, Panji Masyarakat, No. 107, 15 Jun 1972.

HAMKA (1977), *Keadilan Sosial Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, c. 2.

HAMKA (1992), *Akhlaqul Karimah*, Jakarta: Pustaka Panjimas

HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional, j. 1, c. 3.

HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional, j. 4, c. 3.

HAMKA (2005), *Khutbah Pilihan Buya HAMKA: Juma‘at, Idul Fitri & Idul Adha*, Jakarta: Pustaka Panjimas.

HAMKA (2006), *Islam: Revolusi Ideologi & Keadilan Sosial*, Shah Alam: Pustaka Dini, c. 1.
Mohd Zaid Kadri (1997), *Fakta-fakta Dari Tafsir Al-Azhar*, Johor Bahru: Badan Cemerlang Sdn. Bhd. hlm. 346-347.